

Headline	Latif terima Anugerah Perdana Tokoh Buku Penyelidikan 2015		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	28 Nov 2015	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	4	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	235 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,687
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,061



# Latif terima Anugerah Perdana Tokoh Buku Penyelidikan 2015

**KUALA LUMPUR 27 Nov.** – Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod diumumkan sebagai penerima Anugerah Perdana Tokoh Buku Penyelidikan 2015 daripada Yayasan Pembangunan Buku Negara (YPBN).

Anugerah itu disampaikan Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi dalam Majlis Anugerah Buku Negara yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), semalam.

Pemilihan Abd. Latif bertujuan mengiktiraf sumbangan beliau yang mempelopori usaha menterjemah penerbitan saintifik FRIM kepada buku mesra ilmu (*coffee table book*) untuk lebih mudah difahami.

“Saya bersyukur kerana dipilih menerima anugerah ini dan berharap melalui pengiktirafan sebegini, lebih banyak lagi buku penyelidikan negara dapat diterjemahkan untuk masyarakat umum,” katanya dalam satu kenyataan dikeluarkan FRIM di sini hari ini.

Penerima Anugerah Perdana 2015 lain ialah Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim bagi Tokoh Sejarahwan dan Prof. Emeritus Dr. Hashim Musa bagi Anugerah Perdana Za’ba Kategori Tokoh Linguistik.

FRIM dalam kenyataan itu berkata, Abd. Latif yang dilantik sebagai Ketua Pengarah FRIM sejak 2008 telah menghasilkan lebih 300 penulisan saintifik berkaitan bidang alam sekitar ketika berkhidmat sebagai Pegawai Penyelidikan FRIM dan dipilih sebagai *Top Research Scientist Malaysia* pada 2013 selain pernah dilantik sebagai felo Akademi Sains Malaysia sejak 2014.

Tambah kenyataan itu, di bawah bimbingannya, FRIM berjaya menghasilkan 214 judul penerbitan rasmi bagi menyebarkan maklumat penyelidikannya termasuk 22 buku mesra ilmu.

Katanya, empat daripada buku mesra ilmu itu telah meraih Anugerah Buku Negara Kategori Teknikal Terbaik, Buku Umum Terbaik (Sains) dan Anugerah Perdana Kategori Penyelidikan pada 2010, 2012 dan 2013.

“Pada majlis sama, buku *Seni Tanaman Hiasan Dalaman* yang ditulis Pegawai Penyelidik FRIM, Dr. Sreetheran Maruthaveeran turut dilancarkan.

“Buku tersebut mengandungi pelbagai maklumat dan panduan dalam memilih tanaman hiasan yang sesuai untuk ruang dalaman serta kaedah penjagaan dan penyelenggaraan,” katanya.



**ABD. LATIF MOHMOD** (kiri) menerima Anugerah Perdana Tokoh Buku Penyelidikan 2015 daripada YPBN yang disampaikan Ahmad Zahid Hamidi dalam Majlis Anugerah Buku Negara di PWTC, Kuala Lumpur, kelmarin.